

Harian metro  
019116  
MLS 4

# MESIN PENYEMBELIHAN HIDRAULIK

Hanya dua atau tiga orang diperlukan untuk menyembelih lembu di Masjid Puncak Alam

MESIN sembelihan pertama kali digunakan pada sambutan Aidiladha tahun lalu.



MOHD Hariz



umat Islam sekitar Puncak Alam terutama ketika sambutan Hari Raya Korban.

“Set lengkap mesin penyembelihan moden dan kos pembinaan pusat penyembelihan ini bernilai kira-kira RM500,000 dan ditanggung sepenuhnya Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) Tan Sri Rozali Ismail.

“Mesin itu dilengkapi peralatan untuk proses penyembelihan, melapah dan

Justeru, kewujudan Pusat Penyembelihan Haiwan Ternakan di Masjid Puncak Alam, Kuala Selangor, yang hanya memerlukan dua atau tiga orang untuk menyembelih seekor lembu dilihat lebih moden dan penyelesaian terbaik masalah tenaga kerja dan masa terutama ketika ibadat korban.

Pusat penyembelihan yang berkeluasan 462 meter persegi dibina di dalam kawasan masjid serta memiliki ruang terbuka yang berkeluasan 294 meter persegi. Ia menempatkan beberapa mesin penyembelihan moden lengkap, kawasan terbuka untuk proses melapah dan pembungkusan serta ruang dapur yang selesa.

Masjid berkenaan satu-satunya di negara ini mempunyai mesin penyembelihan hidraulik yang direka khas pereka cipta peralatan berteknologi Zulkifli Haron daripada Zull Design Auto-tronic.

Imam II Masjid Puncak Alam Mohd Hariz Abdullah berkata, kemudahan di pusat penyembelihan itu memberi banyak manfaat kepada



**MEMOTONG** tulang haiwan sembelihan lebih mudah dengan adanya mesin ini.



**PROSES** melapah dilakukan dengan mudah dan pantas selepas haiwan sembelihan digantung.

**MOHAMMAD Haiqal**

memotong daging membuatkan tugas itu lebih mudah, efektif dan menjimatkan masa.

“Bukan saja kerja penyembelihan menjadi teratur dan lebih cepat, malah aspek kebersihan sangat ditekankan kerana pusat penyembelihan itu dibina di kawasan masjid.

“Justeru, bukan saja ia dapat memastikan kebersihan kawasan masjid terjaga, malah daging yang diproses juga terpelihara daripada kekotoran sekaligus menepati syariat Islam yang mementingkan kebersihan,” katanya.

Mohd Hariz berkata, mesin itu pertama kali digunakan pada sambutan Aidiladha tahun lalu dengan menumbangkan 16 ekor lembu.

Hasilnya, ia mengambil masa cuma tiga jam untuk semua proses sehingga daging korban itu siap diagihkan.

Proses penyembelihan secara tradisional memerlukan ramai tenaga kerja untuk menumbangkan seekor lembu dan melakukan tugas melapah. Daging sembeli-

## PROSES PENYEMBELIHAN KORBAN DENGAN MESIN PENYEMBELIHAN




**1** Lembu diturunkan dari lori dan dibiarkan bebas dalam kandang

Laluan ke mesin penyembelihan



**2** Dari kandang, lembu akan melalui laluan ke tempat penyembelihan

### **3** Penyembelihan menggunakan mesin penyembelihan



## INFO

### A. Proses di Pusat Penyembelihan Haiwan Ternakan Masjid Puncak Alam:

- Ternakan diturunkan dari lori dan dibiarkan bebas di dalam kandang
- Haiwan itu kemudian melalui laluan khas yang dipagar untuk ke kawasan penyembelihan
- Proses membaringkan haiwan menggunakan mesin penyembelihan (rujuk C)
- Proses penyembelihan
- Proses melapah
- Memotong daging
- Membungkus
- Mengagih

### B. Garis panduan sembelihan ternakan

- Penyembelih adalah individu yang bertauliah saja
- Mesin dikendalikan seorang individu dalam satu masa oleh mereka yang sudah menerima latihan kendalian mesin
- Ketika proses penyembelihan, hanya AJK Program dibenarkan berada dalam kawasan Pusat Penyembelihan
- AJK Program perlu memakai kasut/selipar bersesuaian dan apron yang disediakan
- Pemotong tulang hendaklah menggunakan sarung

- Daging dipotong di meja khas yang disediakan
- Daging yang sudah dipotong boleh dibasuh dan dimasak ditempat yang disediakan
- Pembahagian daging akan diurus di kaunter untuk peserta korban, asnaf dan kariah
- Kawasan Pusat Penyembelihan mestilah dalam keadaan bersih dan selamat
- Mesin/peralatan yang sudah diguna akan dibersihkan dan ditutup bagi mengelakkan sebarang kerosakan

### C. Fungsi mesin penyembelihan ('Slaughter Box Machine')

- Memudahkan proses menumbangkan haiwan untuk penyembelihan tanpa menggunakan tenaga manusia dan tidak berlaku penganiayaan atau mencederakan haiwan.
- Selepas lembu masuk ke dalam mesin penyembelihan, alat penekan badan lembu digerakkan untuk memegang bahagian badan lembu. Alat penahan ke atas bagi mengelakkan kedudukan lembu terlalu rendah. Seterusnya alat

FOTO ROSLIN MAT TAHIR



KESUNGGUHAN dalam mengerjakan ibadat korban menyatupadukan umat Islam.

han pula mungkin terdedah kepada kekotoran kerana kawasan melapah yang berseparah.

Ditanya mengenai kos, jangka hayat dan jaminan tahunan peralatan terbabit, Eksekutif Teknologi Maklumat, Arkib dan Komunikasi Masjid Puncak Alam Mohammad Haiqal Sulaman berkata, tahap membaiki pulih peralatan itu bergantung kepada kerosakan dan setakat ini ia masih dijaga dengan begitu baik memandangkan penggunaan mesin ini hanyalah sekali setahun. "Peralatan dan mesin

rosakan yang hanya mem-babitkan masalah luaran dan boleh diselesaikan.

"Sekiranya mem-babitkan dalaman mesin dan sukar untuk diselesaikan, pihak masjid akan memanggil Zull Design Autotronic untuk membaiki kerosakan. Sebarang bayaran akan dikemukkan sebelum tindakan dan berdasarkan kontrak pembelian mesin," katanya.

Ujar Hariz, meskipun mesin moden menggantikan kerja manusia, sesuatu yang masih kekal ialah sikap masyarakat setempat yang saling menolong

Penyembelih bertauliah



Unit kuasa hidraulik

Mesin penyembelihan memegang badan lembu sebelum ia diputar pada kedudukan mengiring untuk memudahkan penyembelih melakukan penyembelihan



4 Melapah



5 Memotong

Gergaji pemotong daging



6 Pembungkusan



7 Pengagihan

- Menggunakan tangan yang disediakan
- Hanya lembu dan seumpamanya disembelih menggunakan mesin
- Darah lembu akan dibuang melalui saluran khas.
- Hanya seekor lembu disembelih dan enam ekor lembu di lapah dalam satu-satu masa

Penekanan dan mesin penekan leher digerakkan untuk memegang bahagian leher lembu. 'Rotating table' berfungsi untuk menukar arah menghadap kiblat dengan gerakan pusingan. 'Slaughter box' akan bergerak bagi tujuan sembelihan yang dilakukan oleh penyembelih bertauliah.

Peralatan dan mesin sembelihan dijaga oleh Ketua Unit Aset dan Kemudahan Masjid bagi memastikan tiada kerosakan yang berlaku sebelum penggunaan peralatan terbabit.

"Jika terdapat kerosakan, borang aduan akan diisi oleh pengadu dan diambil tindakan oleh Juruteknik Kanan Masjid berdasarkan tahap kerosakan seperti ke-

pat yang saling menorong dan bekerjasama meraikan ibadat korban dengan penuh semangat dan kesyukuran.

"Proses sembelihan yang menggunakan mesin hidraulik ini turut menarik perhatian orang ramai untuk melakukan ibadat korban pada masa akan datang kerana tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan daging," ujarnya.



Hanan netro  
9/9/16  
m/s 5

DAGING yang siap dipotong diagih-agihkan.